

PERSEPSI GURU-GURU TERHADAP STAIK KEPIMPINAN  
PENGETUA NEMPERGARINI PEMERINTUKAN IKHLAM  
SEKOLAH DAN PENCAPAIAN AKADEMIK :

SATU TINJAUAN SEKOLAH-SEKOLAH DI KAWASAN  
FELDA NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

AWALLUDIN BIN MAT DIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi guru terhadap stail kepimpinan pengetua dan kesannya terhadap pembentukan iklim sekolah yang kondusif dan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini melibatkan 84 orang guru terlatih daripada 11 buah sekolah menengah di Felda Negeri Sembilan Darul Khusus. Analisis data kajian menggunakan min, sisihan piaawai, analisis varian sehala dan pekali korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetua sekolah menengah di Felda Negeri Sembilan Darul Khusus menggunakan stail kepimpinan mengarah, menyokong, partisipatif dan orientasi kejayaan mengikut situasi dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Namun begitu, stail kepimpinan partisipatif lebih dominan diamalkan oleh pengetua berbanding dengan stail kepimpinan yang lain. Seterusnya didapati tiada perbezaan signifikan keempat-empat stail kepimpinan pengetua dengan persepsi guru berdasarkan kategori perkhidmatan, umur dan pengalaman mengajar dan jawatan disandang. Sebaliknya terdapat perbezaan signifikan persepsi guru lelaki dan guru perempuan terhadap beberapa stail kepimpinan pengetua. Keempat-empat stail kepimpinan pengetua juga mempunyai perkaitan signifikan dengan pembentukan iklim sekolah yang kondusif tetapi tidak mempunyai perkaitan signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini juga mendapati iklim sekolah yang kondusif tidak mempunyai perkaitan signifikan dengan pencapaian akademik pelajar.